



MAJLIS PERASMIAN MALAYSIA URBAN FORUM (MUF) 2020



Pada 28 September 2020 berlangsung Majlis Pembukaan Malaysia Urban Forum (MUF) 2020 di Asian International Arbitration Centre, Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia. Antara tetamu kehormat yang turut hadir dalam majlis pembukaan ini adalah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin serta Pengarah Eksekutif Program Petempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat), Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif. Selain daripada itu, ahli pengurusan tertinggi KPKT turut hadir dalam majlis ini.



#MUF2020 bertemakan “*The Transformative Pathway and Actions To Deliver The Sustainable Agenda*’ adalah merupakan forum peringkat nasional yang berperanan untuk mengumpulkan para pemimpin, para pembuat dasar, pemain-pemain industri dan pelbagai lagi pihak penting untuk membincangkan dan membangunkan strategi, dasar serta program-program ke arah perbandaran yang lebih mampan selari dengan norma kehidupan baharu. Forum ini telah disertai lebih daripada 20,000 peserta dan melibatkan 150 program rasmi.

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin dalam ucapannya berharap idea-idea di luar kotak serta penyelesaian yang lebih inklusif serta strategi perbandaran yang lebih mampan dapat dihasilkan demi kebaikan semua pihak terutamanya rakyat Malaysia.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai #MUF2020 ini boleh layari <http://www.urbanicemalaysia.com.my/vmuf2020-registration/> untuk bersama-sama bertukar pandangan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat